**SIAPA MENANG SIAPA KALAH**
**Chedet.co.cc**
**June 7, 2011**
**By Dr. Mahathir Mohamad**

1. Dalam pertandingan tentu ada yang menang dan yang kalah. Pertandingan jarang menghasil keputusan "Menang Menang", dengan semua yang bertanding berjaya. Demikianlah juga Muktamar PAS yang baru lepas **– terdapat yang menang** dan yang kalah.

2. Katanya yang kalah ialah puak ulama. Yang menang ialah puak kopiah hitam, penyokong Anwar. Syabas.

3. Tetapi yang menang besar ialah tokoh yang tidak hadir dan bukan pun ahli PAS. Ianya ialah Karpal Singh. Perjuangannya supaya PAS gugurkan matlamat untuk mendiri negara Islam PAS yang akan kuatkuasakan hukum hudud sudah pun tercapai. Karpal tidak perlu mati untuk PAS langkah mayatnya. Belum pun ia mati PAS sekarang sudah menjadikan perjuangan untuk negara Islam dan hukum hudud tidak lagi perkara utama. Sekarang PAS akan berjuang untuk negara kebajikan.

4. Tidak ada banyak laporan berkenaan perbincangan atau perbahasan berkenaan dengan pengenepian asas penubuhan parti PAS – iaitu mendiri negara Islam. Dengan begitu mudah asas ini digugurkan.

5. Kenapa? Kerana ingin menghalalkan kerjasama DAP, khusus Karpal. Lebih tepat lagi ialah kerana PAS tidak sanggup berhujah dengan Karpal Singh.

6. Syabas dan tahniah kepada Karpal. Akhirnya perjuangan mu menentang negara Islam PAS sudah berjaya.

89 Comments

1. 

   corpulent's Gravatar corpulent

   June 7, 2011 at 8:59 am | Permalink

salam tun det..

mmg sinis sekali sindiran tun kali ini… saya di sini sedikit sebanyak agak kecewa juga memandangkan seruan pas ke arah negara islam telah di slowkan temponya…

walaupun begitu…saya yakin masih ada lagi suara dalam PAS yg masih ingat akan asal perjuangan mereka..tapi saya yakin sebahagian besar susah terperangkap di dalam permainan demokrasi dan dibutakan mata akibat nafsu untuk menakluk putrajaya…

bukan sahaja karpal sudah menang malahan the hidden hand bertepuk tangan kerana jerangkap samar mereka sudah terkena. tetapi mana tahu PAS menggunakan kaedah Nabi besar kita semasa perjanjian hudaibiyah? Wallahualam..

Artikel Untuk Renungan Bersama : Hikayat Lubang Najis : Kita Semua Di Dalam Lubang Najis, Ayuh Bangkit!

2.

Ally Rahman's Gravatar Ally Rahman

June 7, 2011 at 9:25 am | Permalink

Assalamualaikum Tun,

I strongly disagree with your post. I’m aspect your constructive post like before. Its too much.

Regards

3.

HBT's Gravatar HBT

June 7, 2011 at 10:46 am | Permalink

Good morning Ayahanda Tun.

194. 2. Katanya yang kalah ialah puak ulama. Yang menang ialah puak kopiah hitam, penyokong Anwar. Syabas.

195. Wow, kalau macam tu, Mat Shabu (ejaan betul ke?) will be facing uphill tasks to tukar warna Bendera Negeri Kelantan Merah kepada warna Kopiah Hitam.

196. Will Karpal Singh take the challenges to help Tok Nik Aziz, President Hadi Awang and Mat Syabu (ejaan betul ke?) to change “Warna Merah Bendera Negeri Kelantan” into kopiah hitam through Malaya Royal Constitution granted by the Throne of England, Buckingham

Palace, whereby many of us still maintain the belief in Fairy Tale of all races?

197. If Karpal can do that; 6. Syabas dan tahniah kepada Karpal. Akhirnya perjuangan mu menentang negara Islam PAS sudah berjaya.

198. If Karpal Singh as Senior in Common Law Practitioning has suceeded; then Pak Anwar will be the PM to replace PM Najib.

199. Kalau macam tu; PM no need to call for GE13 to jimat duit rakyat and just "gulung tikarkan Parti2 BN, PAS, PKR and DAP" since the Common Case Law Practioner, Mr Karpal Singh, can determine the PM of Malaysia by "PENETRATING" (or drilling lubang kecil supaya "ceiling Parliament bocor?) MT Negara" vs "WORSHIPPING" (or reading?) rituals since Pak Anwar keep on telling the rakyat that he had dinner with this (or ALL?) Sultan (or 9 Sultans?).

199. Is Wan Azizah, the copy cat of the "lover", Eva whom committed suicide with Hitler and did everything for her husband by not following Allah's will nor The Sky?

200. Of course, currently as banana newspaper readers of those who cannot read Bahasa Umno (In local Mandarin newspapers, Bahasa Melayu is Bahasa UMNO) atau Bahasa Mandarin, many of us are curious and "geipoh" only and want to know HOW the case is being justified/ended in Mahkamah Tertinggi Negara Malaysia.

201. Like a pepatah "Cina Little Lions" that says, "Depan Kita Mempertahankan Api Menjadi Alien dengan air paip Malaysia, Belakang Kopiah Hitam Kita Memyemarakkan Api dengan Air Sungai Supaya Ia Menjadi Monster.

202. It's good to know that you still maintain the sense of humour in making us lol.

Good day, Ayahanda Tun.

4.

eanisazman's Gravatar eanisazman

June 7, 2011 at 11:28 am | Permalink

Salam Tun and Bloggers,

It's have been a while since i observe politics in Malaysia quite closely. I was away and busy with my work. Well, the recent party election of PAS did attract my attention.

A naive Muslim may look up to PAS for being a party to promote a complete 'Syariah' compliance kind of country with Al-Quran and Sunnah being the constitution. They potrayed an Islamic country governed by the learned Ulama who are purpotedly able to make decision or form policies in compliance with Allah's order. One of their greatest plight that made them very different from others including UMNO is their 'Hukum Hudud'.

DAP, MCA, MIC, UMNO, or even PKR never showed any interest to uphold this concept. On UMNO defence, the Hudud promoted by PAS has not been well thought and may contained

ambigious element which may result in injustice to the people. For this, UMNO suffered a lifetime consequences by being labelled as ‘Kafir’.

But what really amazed me is that how they have manage to drop this altogether into what is refered to as ‘Charity Country’. So eventually PAS has lost its unique identity? Or many of them have become an apostate like how they potrayed UMNO followers last time? Why don’t they changed this concept before and work with UMNO instead? Why so tough on UMNO but very lenient to the leftist PKR and DAP?

To me honestly, this is no Ulama governance, Islamic country or whatever they want to fool me with. The recent PAS party election result confirmed the fact that they are just another leftist power lobbyist political party same like the rest. It is also very surprising to see that Mat Sabu who allegedly accused Anwar as the ‘Al-Jubri’ and Karpal who claimed to have evidence of Anwar homosexual activties are now hand in hand to defend Anwar from the same allegation they have made earlier.

As normal citizen, I saw the leftist is always not consistent with what they do but tend to potray a lot of idelisme into their plight just to topple the power from the already performing Barisan Nasional.

It is just the leftist sentiment, “Anything except BN”…….. Its just the personalities not the fundamental.

5.

pakpandir08's Gravatar pakpandir08

June 7, 2011 at 12:21 pm | Permalink

hehe … dah expect blog ini akan dikeluarkan … ramai yg menanti-nantikannya …

tengok suratkhabar cina, dikatakannya DAP diperkudakan oleh PAS, sokong negara Islam … orang cina akan dipertikaikan …

tengok suratkhabar melayu, dikatakannya PAS diperkudakan oleh DAP, mengabaikan agama Islam … orang melayu akan dipertikaikan …

sekejap cerita ini, sekejap pula cerita lain ….

di luar negara, pemimpin mereka menyerukan rakyatnya jangan mengapi-apikan isu kaum dan agama … kuatkan perpaduan

di negara ini, terbalik pula … rakyat yang menyerukan pemimpin jangan mengapi-apikan isu kaum dan agama … kuatkan perpaduan

ramai yg tidak boleh duduk diam selepas pilihan parti PAS … entah kenapa, mesti ada sebabnya … takut kalah kot … hehe

6.

syockit's Gravatar syockit

June 7, 2011 at 12:35 pm | Permalink

Saya harapkan Tun berikan pandangan bernas.

Namun akhirnya, isi utamanya cuma menceritakan “Karpal telah berjaya”. Sedangkan kita pun tak tahu sama ada beliau masih lagi mengambil kisah tentang perjuangan menentang Islam.

Petikan daripada hadith 40:

“Barang siapa yang beriman kepada Alloh dan hari akhirat, maka hendaklah ia berkata baik atau diam…”

Benar, ini blog milik Tun. Selagi tak melanggar undang2, Tun berhak mensuarakan apa2 pun. Tapi, nilaikan dulu apa yang mahu dibentang.

7.

cermin diri anda's Gravatar cermin diri anda

June 7, 2011 at 12:51 pm | Permalink

DAP dan PKR memang bertuah kerana Pas sanggup menggadaikan identiti kopiah puith mereka dan begitu juga dengan Negara Islam dan HUDUD….

Tapi bila nak bersama UMNO ada saja yang tak kena oleh PAS….

Negara kebajikan BN dah lama dah buat… kalo PAS nak buat negara kebajikan. Kene Join dengan UMNO, baru lah cita2 sama.

DAP n PKR nak duit jer….Raja melayu ,bangsa melayu pegi jalan da..

Menang Sorak Kampong Tergadai.

Fikir2 kan MELAYU……yang waras.

8.

myzul's Gravatar myzul

June 7, 2011 at 1:07 pm | Permalink

Salam Tun, doa Tun dirahmati Allah senantiasa.

PAS sudah Fail. Karpal belayar jauh…dah. Apa nak jadi. Kalau Najib nak sokongan orang melayu islam. ajak je PAS join UMNO and jadikan Nik Aziz MB Kelntan. My view orang kelantan ni dah sebati dengan cara PAS mentadbir Kelantan. Lambat laun orang kelantan akan terima cara pentadbiran UMNO. Kalau hantu Karpal berjaya, takan Najib takleh…wasalam.

9.

Dr Syed Alwi Ahmad's Gravatar Dr Syed Alwi Ahmad

June 7, 2011 at 2:32 pm | Permalink

Assalamualaikum wr wb,

Dear Tun Mahathir,

Yes – its true that PAS has sacrificed its principles for political gains. But the reality is that – it was never possible to build an Islamic State within ASEAN based merely on Constitutional process, to begin with. I think you know that ! Thats why the Jemaah Islamiyah chose violence. PAS and the JI are merely symptoms of a deeper problem. The real problem is that Islam has difficulties adjusting to a Scientific and Modern society. So you get all sorts of groups trying to find ways to express Islam in the modern world.

For me personally – I sincerely believe that Islam needs a re-interpretation, a re-opening of the doors to ijtihad once again. The world of today is very far from the days of al-Ghazali.

I have read your memoirs in your latest book, A Doctor In The House. Tun – Science is NOT in conflict with Islam PROVIDED we interpret the Quran and Sunnah appropriately. Indeed I have recommended a good book published very recently called, Islam’s Quantum Question by Nidhal Guessoum – which elaborates on this point. As each day passes by, it is getting clearer to me that without a new ijtihad and a re-interpretation of Islamic texts – Islam gets left further and further behind.

No point whacking PAS. If its not PAS – then there will be other groups like the JI, the al-Maunah and so on. These are all symptoms of a deeper problem.

I have taken it upon myself to walk the talk. The Muslim world needs scientists who are also practicing Muslims. The Muslim world needs scientists who can communicate with the ulama class and arrive at a new ijtihad.

As for PAS – the real solution is for UMNO to be free of corruption. Thats all. Take the MACC out of the PM’s office and give it full powers to prosecute anyone without fear or favour. I have told you before – if UMNO is free of corruption – then PAS is finished !

Wassalam

Dr Syed Alwi Ahmad (Alsree)

10.

Dr Syed Alwi Ahmad's Gravatar Dr Syed Alwi Ahmad

June 7, 2011 at 2:40 pm | Permalink

Assalamualaikum wr wb,

Kepada Tun Mahathir,

Ya – memang PAS sudah gadai prinsip Islam nya demi kepentingan politiks. Itu memang benar. Tapi apakah kita harus terus mengutuk dan mengecam PAS sahaja ?

Lihat pada kelemahan UMNO. Tun – selagi UMNO terjebak dalam korupsi dan politiks wang – selagi itulah orang Melayu akan terus meninggalkan UMNO. Tak guna kita kecam PAS tapi tidak membuat sebarang perubahan dalam UMNO.

Orang Melayu mahukan suatu parti politiks yang – seperti Tun laungkan dahulu – BERSIH, CEKAP dan AMANAH. Tapi UMNO sekarang adalah terlalu korup dan bergelumang dalam politiks wang. Tanpa perubahan – tak mungkin orang Melayu boleh di satukan.

Ya – memang benar yang PAS adalah parti oportunis yang sanggup gadai Islam demi kepentingan politiks. TAPI UMNO PERLU PERUBAHAN SEBELUM ORANG MELAYU KEMBALI KEPADA UMNO ! Yang paling penting ialah isu korupsi. Selagi masih ada yang korup – selagi itu orang Melayu akan meninggalkan UMNO.

Time to walk the talk Tun……Bersih, Cekap dan Amanah !

Wassalam

Dr Syed Alwi Bin Ahmad (Alsree)

11.

zaba's Gravatar zaba

June 7, 2011 at 3:36 pm | Permalink

skarang bolih nampak pembangkang dah bechelaru, tak tau apa perlu di lakukan, chap saja PAS tapi hakikat nya DAP begitu juga PKR juga hakikat nya DAP, sabenar nya mereka 3 kepala 1 badan sekutu kuat one israel musuh melayu islam berpegang quran & hadis jujungan nabi muhammad s.a.w

smuga kita semua tak putus2 berdoa memehon kepada ALLAH, agar yang maha esa mengasehi keatas kita semua selamat, aman makmur di redai di bawah kerajaan nya [ALLAH]

hisap lah keatas diri mu sendiri sabelom kamu sabelum pegawai kerajaan sabenar [ALLAH] datang mencabut roh kamu ke alam bahzah hadapan ALLAH

12.

zaba's Gravatar zaba

June 7, 2011 at 3:37 pm | Permalink

skarang bolih nampak pembangkang dah bechelaru, tak tau apa perlu di lakukan, chap saja PAS tapi hakikat nya DAP begitu juga PKR juga hakikat nya DAP, sabenar nya mereka 3 kepala 1 badan sekutu kuat one israel musuh melayu islam berpegang quran & hadis jujungan nabi muhammad s.a.w

smuga kita semua tak putus2 berdoa memehon kepada ALLAH, agar yang maha esa mengasehi keatas kita semua selamat, aman makmur di redai di bawah kerajaan nya [ALLAH]

hisap lah keatas diri mu sendiri sabelom kamu sabelum pegawai kerajaan sabenar [ALLAH] datang mencabut roh kamu ke alam bahzah hadapan ALLAH

13.

Awang Teypin's Gravatar Awang Teypin

June 7, 2011 at 3:51 pm | Permalink

Salam Sejahtera TUN,

Kenyataan "..over my dead body.."!! oleh Karpal Singh telah berkumandang bagitu lama dah. PAS masih belum menjawab "pantun" Chairman DAP itu. Bisu menikus bila menghadapi si kafir-laknat yg se' ini.!!

Tapi bila sesama Umat Islam , bukan kepalang lagi akan di jawab berserta Ayat Al Quran dan Hadis-hadis mengikut selera terjemahan kemahuan mereka. Demi menghalalkan cara.

Kalu PAS berani menyahut cabaran Karpal Singh yg sememangnya di tuju khas kepada parti PAS. PAS perlu bertindak menjawab balik secara jelas lagi lantang akan ketidak puas hati nya mereka .Akan penghinaan yang di lemparkan terhadap PAS….yang konon sebuah entiti berunsur kan Islam.

Tak perlu tunggu Karpal Singh mati…baru nak laku kan sessuatu. Dimasa beliau masih bernyawa ini lah .PAS perlu TERAJANG atau secara lebih sopan …angkat tangan tolak saja..!!

Kalu tak boleh lakukan secara fisikal …ikut saja kaedah Islam..!! Tegur dengan pelbagai cara yang di tetapkan. Ini mungkin kut depa dok tegur dalam hati saja kut..!!

Kalu tegur dari dalam hati saja… memang BACUL lah Parti PAS ini.

Wassalam.

14.

Rimba Emas's Gravatar Rimba Emas

June 7, 2011 at 3:53 pm | Permalink

RIMBA EMAS UCAPKAN SALAM BUAT TUN BERDUA MOGA DIRAHMATI ALLAH S.W.T.

1) ISLAM TETAP MENANG. TINGGALLAH KITA YANG WAJIB MELAKSANAKAN HUKUM-HUKUM YANG TELAH DITETAPKAN DIDALAM AL-QURAN. MENANG DI DUNIA TIDAK SEMESTINYA JUGA SAMA DI AKHIRAT.

2) DALAM ISLAM YANG MENANG IALAH YANG BERJAYA MELAKSANAKAN SEGALA SURUHAN ALLAH S.W.T. SETIAP PARTI KENA CERMIN DIRI SAMAADA BERJAYA MELAKSANAKAN SEMUANYA ATAU TIDAK.

3) PARTI YANG MENCANANG PARTI LAIN GAGAL MELAKSANAKAN PERLU JUGA MENGINSAFI KEGAGALAN DALAM PARTI SENDIRI. WAIMA DISINI TIADA SIAPA AKAN MENANG KALAU MENGATAKAN SESEORANG ITU BERJAYA MENGHALANG AGAMA ALLAH S.W.T IAITU ISLAM. ISLAM ITU KESELURUHAN DUNIA DAN AKHIRAT.

4) KALAU KITA SENDIRI TIDAK TAHU APA KEJADIAN SELEPAS INI HANYA MAMPU MENEKA MAKA JANGANLAH MENILAI KEMENANGAN DI DUNIA YANG MANA IBARAT ‘FARTOGAMA’ AKALNYA NAMPAK TAPI SEBENARNYA KOSONG BILA SAMPAI DI HARI AKHIRATNYA.

5) NABI MUHAMMAD S.A.W. PEMIMPIN TERAKHIR KITA TIDAK SAMA TERLALU JAUH SEKALI DENGAN WAKIL-WAKIL RAKYAT YANG DILANTIK SECARA MENGUNDI INI IBARAT LANGIT DENGAN BUMI.

6) KESIMPULANNYA ISLAM ADALAH PADA NAMA SAHAJA KERANA CONTOH SATU DARI BERIBU KES PERBICARAAN PADA WAKTU INI SENDIRI HUKUM-HUKUM MAHKAMAH SYARIAH TELAH BOLEH DIHALALKAN OLEH HUKUM-HUKUM DARI MAHKAMAH SIVIL TERUTAMA DALAM MEMBICARAKAN SESEORANG ISLAM. NAUZUBILLAHIMINZALIK.

WALLAHU’ALAM.

15.

Budi kita's Gravatar Budi kita

June 7, 2011 at 5:11 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun

Sekarang ini PAS tidak lagi memperjuangkan negara Islam tetapi negara kebajikan, dalam

bahasa inggeris welfare state antara welfare state adalah kebanyakkan negara di Eropah seperti Britain, France di mana satu ciri utama tak kerja dapat duit. Sekarang ini tidak ada lagi negara Islam dalam perjuang Pas. Ulang sekali lagi NEGARA ISLAM BUKAN MATLAMAT PERJUANGAN PAS. Tahniah setinggi tahniah kepada Tun Dr Mahathir kerana dengan beraninya mengistiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam dalam perasmian parti Gerakan.PAS bukan saja tidak berjaya menjadikan Malaysia sebagai negara Islam ala PAS, tetapi mengugurkannya sebelum mencapai kejayaan, satu perjuangan yang tewas di tengah jalan. PAS perlu malu dengan semalu malunya dengan ucapan sendiri, baca saja harakah berapa jutaan kali disebut dalam harakah sejak akhbar itu ditubuhkan perkataan NEGARA ISLAM. Ini tidak termasuk ratusan juta perkataan NEGARA ISLAM dalam ceramah, rehlah, tamrin dan tamrinat, muzakarah. Sekarang ini PAS mengistiharkan tidak ada lagi perjuangan negara Islam. Adakah dahulunya semuanya penipuan dan pembohongan?????????????. Bila NEGARA ISLAM BUKAN MATLAMAT PERJUANGAN PAS, diharapkan tak ada lagi kafir mengkafir, tak ada lagi undi saya masuk syurga atau undi kamu masuk neraka.

Sebenarnya hanya orang yang beriman dan beramal soleh yang masuk surga. Tak perlu tiket dari mana mana parti. Berhentilah mengunakan rasuah agama untuk undi.

Saya doakan semoga Tun Sihat walafiat dan dipanjangkan umur setidak tidaknya bila saya baca blog Tun saya dapat mengingati kembali "Inilah insan yang mengistiharkan negara Malaysia tercinta ini sebagai sebuah negara Islam" kerana sekarang ini perkataan NEGARA ISLAM SUDAH TIDAK ADA DALAM KAMUS PAS.Dulu tengok bulan di langit ingat kebesaran Allah dan ingat kewajipan menegakkan negara Islam.

16.

Mustex's Gravatar Mustex

June 7, 2011 at 6:16 pm | Permalink

Tun M,

Indeed Congratulations is due to Karpal Singh! He managed to change the mindset of PAS leadership to "follow" his way. What a great honour for him. Well, if Nik Aziz concurs with LKY's call for muslims in Singapore not to be too pious and to practise Islam in a moderate manner, there is nothing that surprise us anymore.

My best wishes to PAS and its staunch followers. Hopefully there are still those in PAS especially at the grassroot level who can think rationally.

17.

Kzaman Dol's Gravatar Kzaman Dol

June 7, 2011 at 7:12 pm | Permalink

Salam Hormat Ayahanda Tun;

1. Terima kasih atas komentar yang ayahanda hasilkan bertajuk Siapa Menang Siapa Kalah.

2. Komentar berkenaan harapnya dapat dihayati oleh para pemimpin parti politik dan bersedialah membuang ego masing2 demi kesejahteraan Malaysia dan ummah sejagat.

3. Ingatlah hasil dari gerakerja dan segala usaha mengejar cita2 politik berkepentingan diri/parti masing-masingnya telah mengundang perpecahan ummah dan rakyat keseluruhannya yang bukan kecil.

Maka pandangan saya sebagai rakyat marhaen di akar umbi tuan/puan yang berupa pemimpin yang sepatutnya menjalankan amanah Tuhan sebagai khalifah di muka bumi dan memimpin ummah kepada kesejahteraan…. namun akan mengepalai perarakan ke Neraka…. Renung2kanlah

18.

YangBetul's Gravatar YangBetul

June 7, 2011 at 7:16 pm | Permalink

Salam Tun & all,

Semoga semua sihat2 belaka terutama Tun yg baru keluar dari hospital tempoh hari.

PAS rasa ianya bijaksana dan boleh memperkotak-katik kan Karpal. Konon-konon strategi mereka berjinak2 dengan musuh bakal membuahkan hasil kelak, tapi apa yg jelas – ianya hanya memakan diri sendiri.

Apa yg tertinggal dlm strategi PAS? 33.21

19.

teslamarin's Gravatar teslamarin

June 7, 2011 at 7:45 pm | Permalink

ini akibat amanat NA bertemu LKY. longgarkan pegangan Islam…

20.

teslamarin's Gravatar teslamarin

June 7, 2011 at 7:46 pm | Permalink

Kejayaan terbesar LKY…..

21.

Hajar's Gravatar Hajar

June 7, 2011 at 9:04 pm | Permalink

Salam YAB & diKasihi Tun,

Pemimpin-pemimpin PAS & Karpal Singh sebenarnya membantu orang Melayu/Islam untuk lihat KEBENARAN mengenai sikap HIPOKRIT PAS, dan sudah jelas yang PAS cuma MEMPERGUNA ISLAM, dan bukannya berjuang kerana Islam.

Dalam jangka masa panjang, PEMENANG sebenar ialah UMNO.

Terima kasih Tun.

*** Semoga Allah SWT melindungi Tun sekeluarga. ***

22.

al hannah's Gravatar al hannah

June 7, 2011 at 9:53 pm | Permalink

Walau puak professional yg banyak menang, dari naib ke timbalan presiden, pas tetap tidak akan diberikan kerusi di kawasan minoriti melayu. Maksudnya kemenangan puak professional utk mendapat undi cina dikawasan pas bertanding, dan umno akan terlawan pada nexr pru.

Tahniah utk guan eng atas kemenangan mat sabu, maka dap pasti bertepuk tangan dengan kemenangan mat sabu. Tahniah utk pas atas mendapat timbalan yg baru, yg berbangga berdakwah kepada guan eng tentang pemerintahan khalifah umar abdul aziz. Teruslah berbangga tanpa sedar akan hakikat perjuangan sebenar org yg didakwah.

Maka himpunan bersih 2 , pasti akan berlansung dengan pengikut pas menjadi alat tunggangan, berpeluh, berperang, dan di tangkap. Towkey2 akan ertepuk dalam bilik berhawa dingin.

23.

ng thing seng's Gravatar ng thing seng

June 7, 2011 at 10:01 pm | Permalink

Salam Tun,

If Pas is succesfull in projecting an image of moderate Islam which I believe all religion should be and UMNO who try to reach out to the extremist by tolerating their rhetoric then the loser could well be UMNO. The majority of the voters are in middle.

I hope our PM will defend that ground. Most of those who occupied the middle ground are pro ppsmi and right now they are quite unhappy. To ignore their demand is the same as abandoning the middle ground to satisfied the extremist.

24.

sudin's Gravatar sudin

June 8, 2011 at 3:51 am | Permalink

Salam Tun.

Alhamdulillah, Tun masih bersemangat kental demi menegakkan perjuangan murni untuk mereliasasikan kesejahteraan Malaysia. Kami bimbang seketika dan tertanya sendiri tentang kesihatan Tun. InsyaAllah niat suci & usaha gigih Tun akan terus diberkati Nya.

Saya mengibaratkan kesimpulan pemilihan kepimpinan PAS saperti dongeng Pak Kadok, ayam menang kampung tergadai! Kalau dulu mereka mahukan sangat digelar Luncai, sekarang mereka sangat2 inginkan gelaran Pak Kadok pula. Akan datang mungkin Pak Pandir lebih sesuai!

Kalau dilihat pada beranika jenis 'tong kosong' yang menerajui kepimpinan PAS, memang sah Anwar 'gendang' (raja tong kosong) dah menyelinap jauh kedalam sanubari ahli2 PAS! Ahli2 yang menganggap diri 'Aslam' sejati kini hanyalah kaum minoriti!

Harus di ingat, Anwar gendang tu dah 'tersangat uzur'. Walaupun bermacam jenis ubatan (saperti asyik2 berikhtiar nak tangguh bicara kes liwatnya, hakim tak layaklah) dah digunapakai, penyakit terus merebak ke kes video seks pula! Bila tersengeh buat lawak pun muka nampak kusutmasai! Apa boleh buat, terpaksa jugalah teruskan adegan 'lawak tapi tak lawak' tu!

Tak lama lagi Anwar 'gendang' pasti kecundang, dan habislah tong2 kosong PAS tu berdentam-dentum diheretnya sekali! Kesian, tak sempat pun tunggu PRU 13!!

Maka sahlah gelaran Pak Kadok tadi!

Konon nak jadikan Malaysia sebagai Negara Kebajikan. Kah kah kah!!! (Oops bising sangat ketawa). He he he!!!

Ingat Malaysia ni negara welfare ke?

Maka ramailah Luncai2 & Pak Kadok2 PAS yang dah mula berangan2 nak hidup 'goyang kaki' aje! Mat Jenin pun terpaksa panjat tinggi2 pokok kelapa kalau nak berangan2!!

Ini dah jauh lebih teruk dari politik kampung! Politik bukit kot (istilah baru)!

Kejap ada, kejap tiada!

Kejap negara Islam, kejap negara kebajikan!

Kejap "mereka kafir", kejap "mereka munafik"!

Kejap mencarut boleh, kejap makihamun boleh!

Kejap ulama, kejap tong kosong!

Lagi lama lagi melalut!!

25.

azafa75's Gravatar azafa75

June 8, 2011 at 8:08 am | Permalink

Salam Tun, semoga Tun bertambah sihat & ceria selalu.

Kepada semua, jika..

1) Pakatan Rakyat (PAS, DAP & PKR) menang pilihanraya..AWAS :

- negeri2 yang ditadbir akan ikut kepala masing2 sebab masing2 ada prinsip perjuangan IDEOLOGI yang berbeza & saling tidak mengiktiraf antara satu dengan yang lain.

- tak mustahil negeri yang ditadbir oleh DAP akan keluar dari negeri2 Semenanjung (mcm Singapore)suatu hari nanti.

- masa itu Islam dinafi, dicacai & diperli. PAS tak mampu buat apa2 sebab IDEOLOGI DAP menjadi hak DAP & DAP ada kuasa mutlak sebab DAP banyak menang kerusi tapi PAS mengharap simpati.

- PAS akan 'YES MAN' apatah lagi kroni ANUAR ada didalamnya.

2) Barisan Nasional menang pilihanraya..AMAN :

- UMNO menerajui perjuangan & MCA MIC mengikut atas dasar perjuangan bersama iaitu Islam agama rasmi & kepentingan orang Melayu diutamakan serta hak kaum lain tidak dipinggirkan.

FIKIR2LAH..wahai bangsaku..UNTUK ANAK CUCU KITA.

26.

Fauzi's Gravatar Fauzi

June 8, 2011 at 9:01 am | Permalink

PAS pak turut… pak ikut… adik beradik DAP ke selama ni? Tak kafir mengkafir ke? Konfius aku… Tahniah PAS kerana menggadai maruahmu sebagai parti Islam kononnya… Bersekongkol dengan parti kafir super racist! Sanggup mempertaruhkan maruah dan hak orang Melayu di tangan 'makhluk hodoh' ini???!

27.

tok siron's Gravatar tok siron

June 8, 2011 at 9:17 am | Permalink

Salam Tun Mahathir,

Benar, yang menang adalah Karpal Singh. Beliaulah yang selalu mewar-warkan negara berkebajikan konon, walhal kerajaan BN dari dulu sehingga sekarang telah melaksanakannya.

Saya tidak faham PAS selepas pilihanraya yang ke 11. Mereka, oleh kerana hendak sangat memenangi pilihanraya rela berbuat apa saja. Guna sebanyak surah dan hadis yang boleh untuk memikat pengundi Islam dan Melayu. Sekarang selepas join PR lebih teruk

Membangun bersama Islam, Penubuhan Negara Islam, Ujudkan hukum hudud akhirnya semua dibuang hanya kerana bersekongkol dengan Lim Kit Siang, Karpal Singh dan Anwar Ibrahim.

Pada hemat saya, PAS lah satu-satunya parti politik yang paling tidak berprinsip di Malaysia. Mereka tidak ada pegangan yang kuat walaupun kononya mereka berpegang pada AlQuran dan Hadis. Bukan salah Quran dan Hadis tetapi kerana pemimpin mereka yang lemah, kurang pengetahuan (akhirat saja itupun separuh), tiada wawasan (ceduk dari parti @ orang lain), tiada idea bernas (harapkan penasihat yg jumud), dan tidak benar-benar mahu menegakkan negara Islam. Idea penubuhan negara Islam tulen hanya gimik saja untuk menarik undi Melayu.

Oleh kerana tiada prinsip itulah yang menyebabkan Ustaz Hadi melaungkan slogan baru. Habislah cita-cita sebahagian besar ahli dan pengundi PAS untuk merasa negara Islam….

Benarlah kata Tun, menang tanpa perlu mati bagi Karpal Sing…

28.

Alex's Gravatar Alex

June 8, 2011 at 9:39 am | Permalink

Tun,

Tak sempat sebulan Tun keluar hospital sudah Tun buka mulut lagi ???? Tun, apa yang

saya nak katakan di sini bahawa apa sahaja yang Tun kata kan sekarang sudah tak ada nilainya lagi.

Rakyat sudah bosan dengan cara pemikiran Tun yang begitu ketinggalan zaman, cemburu, iri hati, berkepentingan diri sendiri sahaja. Rakyat jelata begitu harapkan Tun jadi penentu hala tuju kepada negara kita " Malaysia " tetapi akhir-akhir ini Tun lebih kepada memusnahkan Malaysia.

Rakyat sudah hilang segala keamanan yang dinikmati selama ini kerana perbuatan tak bertangungjawab Tun. Adalah amat sedih melihat Tun mengakhiri sisa-sia hidup Tun dengan cara begini. Saya cukup hormat dan bangga dengan Tun seketika dahulu tetapi hari ini minta maaf Tun, Tun sudah tak jadi pilihan rakyat Malaysia kerana anda sudah jadi bebanan kepada Malaysia.

Jangan buang masa lagi menulis, rakyat benci membaca Tun .

Sekalin Terima kasih

29.

samuraimelayu's Gravatar samuraimelayu

June 8, 2011 at 11:15 am | Permalink

SALAM KASIH DAN SAYANG

AYAHANDA RAKYAT TUN

Izinkan,

…

2. Katanya yang kalah ialah puak ulama. Yang menang ialah puak kopiah hitam, penyokong Anwar. Syabas.

Dulu… Penyokong Amalan Songsang

Kini… Penyokong Anwar Songsang

Syabas..Puak Amat Sapu

PAS masih Party Alat 'Syaitan' dalam Pakatan

ALFATIHAH, Amin.

Ps. Antara tersurat dan tersirat…

30.

khairuddin's Gravatar khairuddin

June 8, 2011 at 12:02 pm | Permalink

YABhg. Tun,

Salam hormat. Saya amat bersetuju dengan pendapat YABhg Tun bahawa keputusan pemilihan pucuk pimpinan PAS dan Presidennya mengistiharkan PAS memperjuangkan Negara Kebajikan dan meninggalkan perjuangannya untuk menegakkan Negara Islam dengan melaksanakan Hukum HUDUD adalah satu kemenangan kepada Karpal Singh dan Lim Kit Siang.

2. Presiden PAS sama sahaja 2 kali 5 dengan Mursyidul Amnya. Katanya, PAS tidak boleh dan tidak akan berkerjasama dengan UMNO kerana perbezaan dalam memperjuangkan Islam, tetapi boleh bekerjasama denga DAP dan pemimpin pemimpin kafir mereka walau pun terdapat perbezaan antara DAP dan PAS. Presiden PAS sama juga lidah bercabang dengan teman mereka dalam PKR.

3. Wajar juga Presiden PAS, Mursyidul Am dan lain lain membuang serban mereka seperti mana kawan mereka dalam DAP yang sudah lama membuang serbannya.

31.

Ally Rahman's Gravatar Ally Rahman

June 8, 2011 at 12:10 pm | Permalink

Salam Tun,

wats ur comments on your action to pull a grant to Sek. Agama back in those days u in power? For me its such an immature. Bak kata pepatah “jgn kerana nyamuk, kelambu di bakar”

Pls comment.

32.

AbuImran's Gravatar AbuImran

June 8, 2011 at 12:40 pm | Permalink

Salam ayahanda Tun,

Shukur Tun is again back to health,

Just wanna get some verification…talked to pas supporter today and he said the reason pas didn’t implement hudud in kelntan is becoz jbtn penjara is under federal and won’t cooperate cutting of offenders limbs…hmmm that’s why they need to take over the country to practice this…

In my opinion pas have realized that pkr is crashing and burning with evidences now too obvious too ignore (only the blind hardcore followers or those too proud to admit they've backed the wrong gay..I mean guy isn't swayed)

So pas is moderating themselves to appeal and woo these pkr limbo supporters who's too proud to get into bn, but would look too stupid to still be in pkr, thus why not join the new n improved pas? It washes tough stains and gets our serban whiter than white..:)

I pray that we would unite ..and stop this egoist clashes, as vanity is the devils favorite sin..

when asked to bow to Adam, the devil said I am holier than Adam, as I am created from fire and Adam is but from clay…(Quran)

33.

TuaCheng's Gravatar TuaCheng

June 8, 2011 at 1:53 pm | Permalink

Dr.Mahathir, mengikut hujah-hujah, yang dikemukakan.

Adakah, Tuan Dr. sedih akan perjuangan PAS mula berubah dan semakin menandingi UMNO?

Atau pula, selama ini, Tuan Dr. memang berhajat seperti PAS yang dahulu? Mendirikan Hukum Hudud dan Negara Islam.

Tetapi ini juga dilemma yang istimewa, kerana Konstitusi Malaysia, tidak mengikut Hukum Hudud atau sebarang kenyataan menyatakan sebarang unsur sebegini.

Dalam Inggeris, No Reference of any such laws. We are still using the Common Laws.

Hakikatnya, PAS semakin berwibawa dan diterima oleh orang bukan Islam sebagai satu parti yang tidak angkuh, tidak tamak dan bukan rasis.

Disebaliknya, transformasi ini bukan hanya diterima oleh bukan-Islam, tetapi orang Islam yang jujur dan tidak tamak.

Tahniah kepada semua calon yang menang dalam muktamar PAS, dan sepenuh hormat kepada keputusan penyokong PAS, akan pilihan kamu.

34.

KIMURA's Gravatar KIMURA

June 8, 2011 at 2:38 pm | Permalink

pe lg PAS, masuk DAP jer la…sama saja…xde pendirian dan x konsisten…tunduk dngn

DAP, bila esok memerintah negara tunduk dgn PAP pulak…pakai kupiah jer tp xde prinsip….

35.

nazrimalik's Gravatar nazrimalik

June 8, 2011 at 2:53 pm | Permalink

Perjuangan tiada erti tanpa prinsip. Bukan lah maksudnya saya kecewa dengan pembaharuan ini. Saya tak sokong pas pun.

36.

abraham's Gravatar abraham

June 8, 2011 at 2:57 pm | Permalink

1. Kenyataan Tun Mahathir kepada wartawan pada 3hb Mac 1994 di Nilam Puri, Kelantan Darul Naim :

37.

mgpunya's Gravatar mgpunya

June 8, 2011 at 3:53 pm | Permalink

YABhg Tun,

What Karpal did to PAS, is what Anwar did to UMNO…businessmen & corporations taking over UMNO. It's the beginning of the end of PAS…

38.

Jamal's Gravatar Jamal

June 8, 2011 at 4:28 pm | Permalink

Salam Sejahtera Tun,

Alhamdulillah PAS dah buka mata. Malang nya mereka membuka mata sesudah semua nya gelap gelita.

Sekarang kata semua boleh lihat sama ada penyokong2 PAS didalam keadaan sama;

1) Masih lagi mahu di perbudak dan di perbodohkan;

atau

2) Tinggalkan perjuangan yang sudah lari dari landasan PAS yang asal.

Negara Berkebajikan?

Negara Barat pun Amalkan nya – ya tak? Dan Mereka tak pun amalkan prinsip2 islam?

Kemana arah mana tuju PAS… Oh ya lah celik dalam gelapkan.

39.

Peiseh's Gravatar Peiseh

June 8, 2011 at 5:48 pm | Permalink

Salam bahagia dan selamat sejahtera Tun.

Glad to know Tun is recovering steadily.

I think what PAS did is just proof that they have matured and is moving forward with a progressive Islamic agenda. They knew that politically in order for them to survive and expand their influence nationwide, they need to be able to appeal to all walks of life with their policies.

This is what at some time ago Tun preached about. Modern and dynamic Islamic culture. Islamic world look to us for guidance then. They came over to sit in a forum chaired by Tun.

We were a model for all the Islamic countries.

Sadly, we have lost that edge. There's no more perjuangan untuk suatu negara Islam yang berprogresif dan dinamik, yang manpu untuk bersaing dengan negara2 antarabangsa.

All we shamelessly have to show to the world is our smuts filled stories, and our sex lives.

This time around, PAS won because it is evolving to the needs of a progressive and modern Islamic society. As for Karpal, well he is just someone who mooted some sense awhile ago, but is not the major factor in the shift of the PAS party's policies.

Salam bahagia Tun.

40.

Dr Syed Alwi Ahmad's Gravatar Dr Syed Alwi Ahmad

June 8, 2011 at 5:51 pm | Permalink

Assalamualaikum wr wb,

Kepada UMNO,

Ya memang betul PAS sudah melupakan asas nya. Tapi selagi UMNO tidak membuat sebarang perubahan, mana mungkin orang Melayu bersatu ?

Kalau UMNO masih terjebak dalam rasuah, politiks wang, tidak efisien, tidak amanah dan sebagainya – takkan orang Melayu nak terima UMNO ?

PAS telah memilih untuk gadai Islam demi kepentingan politiks. Inilah masanya bagi UMNO membuat perubahan.

UMNO mesti berubah dari politiks feudal kepada politiks profesional. Takkan masih nak ikut cara lama ? Takkan masih nak harapkan sistem feudal dan politiks wang ?

UMNO must change ! Rebut peluang keemasan ini untuk membuat perubahan. Takkan Malaysia ni masih pada takuk lama ? The world has changed UMNO – and so must you.

Wassalam

Dr Syed Alwi Bin Ahmad (Alsree)

41.

Sayascd's Gravatar Sayascd

June 8, 2011 at 6:37 pm | Permalink

I think PAS should now change it’s name to Parti Anak2 S****** to reflect what I believe what it has done all this while.

42.

zulkiflee_Arif's Gravatar zulkiflee_Arif

June 8, 2011 at 6:44 pm | Permalink

Assalamu’alaikum Tun,

sepatut nya Karpal dihumban ke penjara atau ditarikbalik kerakyatan nya atas tuduhan subversif.ia itu menghasut kebencian terhadap Islam sebagai Agama Rasmi negara.

tapi kenapa dia masih bebas berkeliaran dan masih bebas menyalak? tidak kah ini memalukan kita sebagai Bangsa Melayu dan Umat Islam? Tun,sebaik nya pilihanraya jangan di adakan selagi Umno masih menyimpan pemimpin-pemimpin dayus seperti Hishamudin.kerana pemimpin-pemimpin dayus ini lah yg akan jadi pemecah undi Melayu.

orang Melayu sayangkan Umno,tapi kepentingan Agama dan Bangsa mendahului kepentingan Umno.selagi Umno masih di terajui pemimpin-pemimpin dayus yg begitu mudah diperkotak-katik oleh orang-orang asing,selagi orang-orang seperti Karpal dan Lim kit siang masih bebas menyalak,adalah sangat sukar bagi orang Melayu untuk mengundi Umno.

Tun,buatlah sesuatu untuk singkirkan pemimpin-pemimpin dayus yg tidak berani bertindak terhadap suara-suara biadap orang-orang asing.

terimakasih Tun

43.

malim's Gravatar malim

June 8, 2011 at 8:14 pm | Permalink

A'kum Tun,

Karpal hanyalah isu sampingan. Isu utama adalah kesannya kepada orang Melayu, Islam dan negara secara umumnya.

Walau kecaman ulama Pas seringkali mendesing di telinga Umno, namun tidak dapat dinafikan bahawa ulama Pas telah banyak memberikan 'check and balance' kepada gerak geri Umno, terutama dalam hal agama Islam.

Umno tetap parti yang perjuangkan Islam, namun kita tetap memerlukan 'pandangan luar' tentang setiap keputusan kita.

Sama perubahan dalam Pas ini adalah kebaikan atau tidak, semuanya tergantung dari sudut mana kita melihat. Seharusnya orang Pas lebih memahami permaslahan ini.

Anyway, isu yang menarik Tun!

Malaysia prevails!

44.

milshah's Gravatar milshah

June 8, 2011 at 9:23 pm | Permalink

Assalamualaikum Tun,

Harapan saya Tun sekeluarga bertambah sihat walafiat hendaknya. Sudah lama saya perhatikan Pakatan Rakyat yang terdiri dari DAP, PKR dan PAS ni dan saya lihat trend mereka ternyata pro orang bukan Melayu dan bukan Islam.

Sebenarnya apabila PAS mengetepikan matlamat asas perjuangan mereka untuk menubuhkan negara Islam tetapi mahu digantikan dengan negara kebajikan pula, jelas menunjukkan mereka kini mengutamakan DAP dan pengundi-pengundi bukan Islam.

Jadi saya nak bertanya kepada Pakatan Rakyat, tak bernilai sudahkah penngundi-pengundi Melayu yang beragama Islam? Hina sangatkah pengundi-pengundi Melayu ni sehingga kehendak

dan hak mereka diketepikan asalkan dapat berkawan dengan DAP dan pengundi-pengundi bukan Melayu?

Orang Melayu yang beragama Islam perlu sedar hakikat ini bahawa undi-undi mereka kini diperlekehkan oleh Pakatan Rakyat. Sebab apa diperlekehkan? Sebabnya ialah orang Melayu berpecah. Walaupun penduduk Melayu adalah penduduk majoriti, tetapi disebabkan mereka berpecah jadi undi mereka menjadi tidak bermakna. Contohnya, kalau dalam satu kawasan ada 100 orang yang terdiri 80 orang adalah orang Melayu dan 20 orang bukan Melayu. Walaupun kawasan itu adalah majoriti penduduk Melayu, tetapi kalau orang Melayu berpecah kepada 2, 40 sokong PKR dan 40 orang lagi sokong BN, maka undi Melayu menjadi tidak penting lagi. Yang menjadi keutamaan adalah undi bukan Melayu yang berjumlah 20 orang itu sebab dengan undi 20 orang bukan Melayu itu menjadikan 60 orang sokong Pakatan dan 40 orang sokong BN, maka menanglah Pakatan dalam kawasan itu.

Saya percaya Pakatan Rakyat begitu sangat nakkan undi bukan Melayu disebabkan mereka percaya orang Melayu sudah berpecah. Terbaru, Presiden Pas telah terang-terang kata tidak akan menjadi Perdana Menteri jika Pakatan menang. Jadi saya bertanya siapa pula akan jadi Perdana Menteri? DSAI tak mungkin jadi PM disebabkan masalah peribadinya. Jadi yang tinggal hanyalah DAP. Mungkinkah Lim Kit Siang yang menjadi Perdana Menteri?

Jadi inilah yang dapat diberikan oleh Pakatan jika Pakatan menang. Negara Islam digantikan oleh negara kebajikan. Perdana Menteri adalah dari DAP. Kalaupun DAP tak jadi Perdana Menteri, saya percaya PAS akan mengikut aja kata DAP dalam pentadbiran negara. Sedangkan perkara asas perjuangan PAS untuk mendirikan negara Islam pun sanggup ditukar dalam sekelip mata, apatah lagi hal-hal bersangkutan dengan hak-hak orang Melayu dan Agama Islam?

Di manakah letaknya orang-orang Melayu yang beragama Islam jika perkara ini benar-benar berlaku?

Kalau Pakatan dah jelas membelakangkan orang-orang Melayu dan agama Islam, buat apa orang-orang Melayu yang beragama Islam terhegeh-hegeh mengundi mereka?

Jadi saya harap PRU 13 ni, orang Melayu akan bersatu kembali. PAS bukan lagi PAS yang dulu apabila sanggup menukar perkara asas perjuangan.

Sebenarnya saya berharap PAS dan UMNO dapat berbaik semula. Dua-dua parti dari agama dan bangsa yang sama. Saya percaya majoriti golongan ulamak dalam PAS menyokong perkara ini. Tak salah jika kedua-dua pihak berdamai bahkan adalah digalakan. Tetapi apakan daya, sekarang golongan professional telah menguasai PAS.

Betullah kata Tun, yang menang sebenarnya ialah Karpal Singh dan DAP. Yang kalah sebenarnya ulama-ulama dalam PAS sebab matlamat parti telah bertukar.

45.

Halu's Gravatar Halu

June 8, 2011 at 10:19 pm | Permalink

Tun,

U don’t be so narrow hearted. Sudah tua masih nak campur tangan. Tak puas hati u sampai sekarang. Nanti complain PakLah, nanti complain LKY, nanti complain PAS. Tak habih habih. Tengok siapa menang, u mata merah.

46.

Jo's Gravatar Jo

June 9, 2011 at 1:43 am | Permalink

Salam,

Yang paling penting UMNO serta BN kalah. Cukup dah lah semasa Tun menerajui negara dan merosakkannya.

47.

Hazman Abu Bakar's Gravatar Hazman Abu Bakar

